

Puncak Niaga jual tanah bernilai RM306.07 juta di Kuala Selangor

Ogos 17, 2023



Puncak Niaga Holdings Bhd

Kuala Lumpur : Puncak Niaga Holdings Bhd dan subsidiari milik penuhnya, Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd (PNMSSB) memeterai perjanjian untuk melupuskan tiga bidang tanah di Kuala Selangor kepada Alpha Galaxy Sdn Bhd (AGSB) dan Alpha Galaxy 1 Bhd (AG1B) dengan harga keseluruhan sebanyak RM306.07 juta.

Puncak Niaga dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata, ia bercadang untuk menjual Lot 7093 kepada AGSB pada harga RM98.62 juta serta Lot 7095 kepada AG1B pada harga RM106.32 juta, manakala PNMSSB akan menjual Lot 7094 kepada AGSB pada harga RM101.12 juta.

Firma itu berhasrat menggunakan hasil itu dalam tempoh 53 bulan bagi membayar balik pinjaman bank, pelaburan masa depan, modal kerja, perbelanjaan yang ditanggung untuk cadangan pelupusan serta cukai.

Keputusan itu adalah sejajar dengan strategi kumpulan untuk menjana keuntungan tanah sebagai sebahagian daripada teras yang lebih luas dalam penciptaan nilai mampan bagi pemegang saham.

Langkah berkenaan dijangka selesai menjelang suku pertama 2028, menurut makluman itu lagi.

Kumpulan itu dijangka mencatatkan kerugian bersih kira-kira RM22.4 juta daripada pelaksanaan itu atau 0.05 sen sesaham untuk tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2023.

Cadangan pelupusan itu dijangka tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas aset bersih sesaham dan nisbah gearing kumpulan bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2023, katanya.

-Bernama